

TRANSKRIP PETIKAN UCAPAN DATO' SERI TUAN GURU ABDUL HADI AWANG DI SEKITAR ISU-ISU ANTARABANGSA UMAT ISLAM

1. Sabar Kerenah Sesama Islam

Merendah diri terhadap orang beriman, berani terhadap orang kafir. Hari ini apa dia? Duduk berlawanan diantara wahabi dengan tak wahabi. Syiah dengan tak syiah, duduk berlawanan. Israel tak, biarkan Israel, biarkan Yahudi bunuh orang Islam di Palestin, pasal apa? Perang dengan Syiah. Syiah perang dengan Sunni. Sunni perang dengan Sunni. Syiah perang dengan Syiah, perang pasal Mazhab. Zaman dahulu dah buat dah perangai ini. Nak jatuhkan Uthmaniyyah, orang putih sokong wahabi, nak menegakkan kerajaan Salafi. Uthmaniyyah adalah Mazhab Al-Asy'ariyyah Al-Maturidiyyah, dan Mazhab Hanafi. Dibantunya gerakan Salafiyah, Wahabiyah, di Riyadh jatuhkan pemerintah yang wakil kerajaan Turki di masa itu. Dibantunya Syiah di Iran, untuk jatuhkan Turki. Dibantunya Imam Zaidiyyah di Yaman untuk jatuhkan Turki. Ditolongnya Arab, Mesir dan lain-lain kerana Turki bukan Arab, kebangsaan dibantunya untuk menjatuhkan Kerajaan Uthmaniyyah. Akhirnya jatuh kerajaan, orang kafir takluk negeri orang Islam, dan dibahagi-bahagikan negeri orang Islam, ada negeri yang besar, negeri yang kecil. Negeri yang besar Saudi, itu negeri besar, Jordan negeri besar, Syria negeri besar, Mesir negeri besar, Iraq negeri besar, itu negeri besar, Yaman negeri besar, diberi kepada raja-raja dan pemimpin yang menyokong kuasa Barat. Negeri kecil pulak, Kuwait, Qatar, Emirate, Bahrain, negeri kecil, hat ini JKK. JKK ini hat ketua ini diberi pada negeri-negeri hat kecil ini. Hari ini jadi negara, dan negara ini pulak, dibantu oleh Barat, berlawanan sesama sendiri supaya Israel selamat, kuasa-kuasa barat selamat. ini tidak ada.

“Merendah diri terhadap orang beriman, menunjukkan keperkasaan terhadap orang kafir.” (al-Ma'idah: 54)

Ini dengan orang beriman berani sangat, dan orang tidak beriman kita merendah diri dengan orang yang tak beriman. Merendah diri terhadap orang kafir, berani dengan orang beriman, ini kena ingat ini. Orang beriman ini ada

buat silap buat salah, kita kena sabar, sabar, orang Islam ada buat salah kita kena sabar. Orang yang lawan Islam ini kita dakwah dia, dan kita kena tegas dalam masalah agama. Ini kena faham.

(Kuliah Jumaat, 5 Februari 2016, Masjid Rusila, Marang, Terengganu)

2. Gejala Tasyaddud & Tasahul

Di Amerika, di German, di Perancis, sudah jumlah juta orang Islam, juta orang Islam, orang-orang dia pun masuk Islam, macam mana nak buat? Nak lawan Islam ini bahaya, orang akan balik ke Islam. Bermula lah negeri-negeri Islam pun ada fikir nak balik ke Islam walaupun separuh-separuh, sekerat jalan, tak habis lagi, buat bank Islam, bank riba tak apa lagi, haramkan arak, kalau tak ada lesen haram, ada lesen tak apa, buat begitu dulu. Bercelaru, bercelaru, tapi sudah ada nak balik kepada Islam, membimbangkan, membimbangkan musuh.

Macam mana nak buat? Membimbangkan musuh, orang Islam nak balik ke Islam pula. Dia buat perancangan balik, macam mana nak lawan Islam ini. Cara lawannya, ambil sudut kelemahan yang ada pada orang Islam.

Yang pertama orang Islam yang semangat dia berapi-rapi nak buat dah, hari ini juga nak jalan hukum Hudud, hari ini juga nak jalan hukum takzir, hari ini juga, tak boleh, jangan tangguh-tangguh lagi, perang pun tak apa. Hat ini kita beri senjata, biar dia berperang, biar dia pergi berperang, perang. Perang lawan siapa? Lawan kerajaan masing-masing, dah kerajaan masing-masing tak ikut Islam, perang dia, hah berlawan sesama sendiri.

Sedap dia, perang, di Syria, di Yaman, di Iraq, rata-rata berperang, tempat kita tak lagi, alhamdulillah. Jaga-jaga jangan ikut ratib, jangan. Bila perang, dia jual senjata, dia jual senjata, jual koho berperang ini, jual ke kerajaan, jual belaka, dia boleh pitih. Pitih pula pitih kita, beli, bayar ke dia, mati itu kita,

ini, jadi pelik itu. Ini berlaku di Syria, berlaku di mana-mana di Arab hari ini. Yang jual senjata ialah Amerika, Russia, Jerman, Perancis, jual senjata, pitih ini pitih Arab, hat perangunya orang Arab juga. Cerdiklah, berasa cerdik sangat, kalau orang tegur marah, marah, saya tegur, saya marah. Marah. Ini cerdik. Ini, ini berlaku pertembungan.

Yang kedua, dia cari hat yang koho, nak ke Islam. Kuat koho, koho, koho, koho, koho. Di antara jangan gaduh sangat, jangan sebut Islam ini, jangan laksanakan hudud, laksanakan Qisas, laksanakan ini, tak apa, asal kita itu juga, biar dulu, hat ini satu hal pula. Lambat-lambat, tak ada tujuan, hat lambat-lambat ini pun dia tolong juga. Ini dia ambil sudut ini.

Kemudian dia ambil pula sudut pertarungan di antara orang Islam, kelahi mazhab, berlawan mazhab. Kalau zaman orang putih masuk dulu, masyhur di Malaysia ini Kaum Tua dengan Kaum Muda. Malaysia dengan Indonesia, puak-puak Kaum Tua kata kena ikut Mazhab Syaf'ie, tak boleh mazhab lain dah. Hat Kaum Muda ini pula, tak boleh, kena pakai mazhab lain juga, kita tengok, pilih-pilih hat mana-mana, akhirnya pilih hat mudah-mudah, berbalah. Berbalah bab geduk, geduk, geduk ini nak panggil orang sembahyang, speaker tak ada zaman dulu, orang tua-tua kata nak panggil orang sembahyang speaker tak ada, pakai geduk. Orang muda kata geduk tak ada zaman Nabi, tak payah pakai geduk, sebahagian ikut hat Kaum Muda tak boleh pakai geduk, sebahagian ikut Kaum Tua, tak pakai geduk tak apa, balah bab geduk. Hat Kaum Muda ini ketik geduk perhanyut dalam sungai, berbalah pasal geduk. Orang putih memerintah negeri, itu masa hari itu.

Di Tanah Melayu, di Patani di Indonesia berbalah. Berbalah pula bab biawak, bab biawak, oleh kerana Negeri Arab ada dhob, dhob... biawak. Dhob negeri Arab halal, biawak pun macam dhob juga. Kaum Tua kata tak boleh makan dhob haram-haram-haram, hat tua kata. Hat muda kata tak, serupa dengan dhob ini juga biawak pun, boleh makan biawak, duduk berbalah, duduk berbalah. Almarhum Ustaz Abu Bakar Hamzah, dia tengok orang berbalah antara tua muda bab biawak ini. Ikan kembung banyak lagi dia kata, cari ikan

kembung tak larat nak makan, duduk berbalah bab biawak, tak makan pun. Ini zaman dulu berbalah bab itu.

Hat yang hebat lagi berbalah Sunni, Syiah, Khawarij. Wahabbi tidak Wahabbi berbalah, Syafi'ie Hanafi, Hambali, Maliki berbalah, ini berperang, berbalah sesama sendiri. Di tempat kita tak ada, di India, India banyak mazhab, bab tahiyat, Syafi'e kata,

“Asyhadu'alla Ila Ha 'illallah”

Gerak jari sekali. Disunatkan gerak jari sekali je.

“Illallah”

Sekali.

Orang Hambali kata kena gerak sokmo

“Asyhadu'alla Ila Ha 'illallah”

Kena gerak begini (gerak jari telunjuk) sokmo sampai bagi salam, kita pergi Makkah tengok orang buat begini, itu mazhab Hambali. Orang Hanafi kata tak payah, pakai begitu je (tangan buat biasa macam sujud, letak atas peha). Orang Syafi'e dia sembahyang masjid Hanafi, masa tahiyat buat jari *Allahuakbar*, Hambali buat begini (gerak jari telunjuk), hat acap Hanafi ini geram tengok, pegang tangan repis tangan gommo dalam masjid, pasal kes gerak jari, ini. Berbalah mazhab-mazhab.

Timbul pula masalah Sunni, Syiah, Khawarij, timbul tarikat-tarikat pula, wahabbi atau tidak wahabbi. Wahabbi mazhab berkait Salafi dan Khalaf, ini bab Aqidah. Syafi'ie, Hambali, Maliki, Imamiyyah, Zaidiyyah, Ibadi bab fekah, ada berkait dengan fekah. Sunni, Syiah dan Khawarij berkait dengan politik, dengan pemerintahan negara, bab politik. Tarikat-tarikat berkait dengan Tasawwuf, ini mazhab.

Dalam mazhab ini, bila sudah lama, ada betul ada salah, ada kaul dhoif, kaul sohih, semua mazhab, ada kaul mengarut, semua mazhab ada juga, kaul mengarut, pergi tulis dalam kitab fekah. Benda hat takde-takde tulis dalam kitab fekah, dalam kitab fekah pergi tulis ini, apa hukum kalau sekiranya kemaluan orang perempuan besar gua, kita masuk dalam ini minum teh, minum air kopi dalam hat kemaluan orang perempuan ini lepas itu tubik, wajib mandi ke tak? Ini semua mengarut tulis dalam kitab fekah, bagaimana kalau orang ada kepala dua, empat, lima, enam, nak sapu kepala bagaimana? Sampai begitu bahas kitab fekah. Bab Aqidah pula bahas hakikat tuhan, tak boleh nak kaji hakikat tuhan, hakikat manusia pun tak boleh nak kaji, ini. Bab Tasawwuf pula, nak cari hakikat dia, nak bersih hati, akhirnya yang halal haram, yang haram jadi halal, mengarut. Ini semua ada dalam semua mazhab.

(Kuliah Jumaat, 4 November 2016, Rusila, Marang, Terengganu)

3. Saling Berbunuhan

Sabda Rasulullah SAW:

“Demi tuhan yang diriku berada di dalam tangan-Nya, tiadalah hilang dunia ini (yakni berlakunya kiamat), sehingga tiba kepada manusia suatu zaman, di mana orang yang membunuh tidak tahu kenapa dia membunuh dan orang yang dibunuh tidak tahu apakah kesalahan dia dibunuh.”

(Muslim)

Lalu ditanya “Ya Rasulullah, bagaimana boleh berlaku yang demikian itu?”

Sabda Rasulullah SAW, ***“Berlakunya kacau bilau, yang membunuh dan dibunuh kedua-duanya dalam neraka.”*** Nabi kata, berlaku perang.

Di antara hadis khutbah Nabi di Padang Arafah pada Haji Wada', haji selamat tinggal, khutbah yang panjang. Di antaranya yang akhir

“Jangan kamu kufur selepas aku mati, (Nabi kata) *kamu memancung leher di antara satu sama lain.*”

Hari ini kita menyaksikan peperangan berlaku di Syria, berlaku di Iraq, berlaku di Yaman, akan berlaku di Saudi, akan boleh berlaku di mana-mana peperangan. Di antara orang Islam dengan orang Islam, kerana bencana dalam perkara agama. Pada awalnya, pertelingkahan dalam masalah Khilafah, siapa memimpin negara selepas matinya Nabi SAW. Bila Nabi mati, Nabi tidak mewasiat kepada sesiapa, tak wasiat, menyebabkan timbul tiga pendapat,

Yang pertama pendapat Ahlil Bait, pendapat keluarga Nabi, dipelopori oleh Abbas, disokong oleh Zubair Bin Awwam, Talhah Bin Ubaidillah RA. Ini semua Sahabat-sahabat Nabi yang Nabi janji masuk syurga. Mencalonkan Saidina Ali, Saidina Ali tidak mencalonkan diri dia sendiri.

Yang kedua golongan Ansur, penduduk Madinah mencalonkan pemimpinnya Sa'ad Bin Ubadah. Berlaku perbahasan yang hangat, akhirnya Abu Bakar As-Siddiq RA. Setelah selesai sembahyang jenazah, tak sempat nak hadir masa tanam, tinggal, ditanam jasad Nabi oleh orang lain. Abu Bakar, Umar, Abu Ubaidah, pergi ke Tsaqifah Bani Sa'idah menyampaikan ucapan, Abu Bakar menyampaikan ucapan supaya jangan bergaduh, jangan berkelahi. Bila Abu Bakar menyebut hadis Nabi:

“*Pemimpin daripada Quraisy.*”

Semua ada kelebihan, Muhajirin ada kelebihan, Ansur ada kelebihan, anak beranak Nabi yang masuk Islam bukan yang kafir ada kelebihan. Ada kelebihan belaka. Dan Nabi mengatakan pemimpin daripada Quraisy. Quraisy dengan makna orang yang paling alim, yang paling berpengaruh. Oleh kerana kabilah yang paling besar ialah Quraisy, Quraisy kabilah yang paling besar, yang paling kuat di kalangan kabilah-kabilah Arab, kabilah Nabi. Kalau pilih yang lain, orang tak tunduk, apa lagi berlakunya orang-orang yang sudah masuk Islam murtad, memerlukan pemimpin yang menyatukan umat. Lalu Abu Bakar mencalonkan Umar dan Abu Ubaidah. Umar, Abu Ubaidah bangun, tidak wahai

Abu Bakar, engkau jadi khalifah, lantik Abu Bakar jadi khalifah. Semua bersetuju, patuh kepada Abu Bakar. Golongan Ansur, Ahlil Bait, Saidina Ali, menjadi ahli-ahli Majlis Syura, Menteri-menteri Saidina Abu Bakar. Saidina Ali jadi penasihat, jadi hakim, jadi menteri. Umar, Uthman jadi hakim, semua Sahabat-sahabat yang besar menjadi menteri pada Abu Bakar sehingga berjaya menghapuskan golongan murtad.

Bila Abu Bakar mati, ganti Saidina Umar. Semua terima Saidina Umar jadi khalifah, jadi Amirul Mukminin, pemimpin negara, setelah membuat keputusan mesyuarat. Akhirnya Umar diterima. Semua Sahabat-sahabat termasuk Ahlil Bait, Quraisyh dan tidak Quraisyh duduk bawah Saidina Umar Bin Al Khattab RA.

Mati Saidina Umar yang terbunuh syahid, pilih Saidina Uthman, terima Saidina Uthman jadi khalifah. Saidina Ali bersama dengan Saidina Uthman, termasuk sahabat-sahabat lain bersama Saidina Uthman. Tapi zaman Saidina Uthman berlakunya fitnah, fitnah orang-orang yang baru masuk Islam, ramai yang baru masuk Islam tak faham agama. Zaman lani koho tak faham lagi. Ini zaman Saidina Uthman, sehingga Saidina Uthman terpaksa menambahkan hukum-hukum agama dalam perkara Siyasah Syariah di antaranya Saidina Uthman suruh bang (azan) dua kali pada hari Jumaat, kerana bang yang pertama orang tak hadir lagi. Bang buat bang dua kali Saidina Uthman buat. Ada orang tunjuk pandai pada Saidina Uthman, bang sekali je, pandai daripada Saidina Uthman dia. Ini termasuk Siyasah Syariah, bang dua kali, diterima oleh orang Islam Saidina Uthman menjadi khalifah.

Banyak hukum-hukum yang sebab-sebab berubah, Saidina Uthman buat hukum ini, dan berlaku Saidina Uthman lantik anak beranak dia memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Mungkin dia percaya pada anak beranak dia, tak percaya kepada orang lain, menimbulkan fitnah, tak puas hati, berlakunya pemberontakan orang-orang Islam membunuh Saidina Uthman, mati dibunuh Saidina Uthman.

Mereka pilih Saidina Ali KW RA semua. Saidina Ali jadi khalifah, keluarga Saidina Uthman kalangan Bani Umaiyah tak puas hati kerana tak hukum

mereka yang dituduh bunuh Saidina Uthman. Saidina Ali tidak boleh buat mudah-mudah ikat orang, hukum je, tak boleh, mesti ada cara dia. Berlaku peperangan Al-Jamal, bila Siti Aisyah RA, Zubair dan Talhah memimpin bala tentera untuk memerangi Saidina Ali, berlaku peperangan Al-Jamal, menyebabkan puluhan ribu Sahabat mati, orang Islam mati, ini fitnah dalam sejarah Islam. Saidina Ali menghadapi keadaan yang sangat menyulitkan. Aisyah isteri Nabi, Zubair dan Talhah adalah salah seorang, dua orang daripada sepuluh Sahabat yang Nabi janji syurga, menyerang Saidina Ali, terpaksa menghadapi keadaan ini. Tidak syak ulama mengatakan Saidina Ali yang betul dalam masalah ini.

Di sana ada hadis-hadis yang menguatkan Saidina Ali adalah benar. Saidina Ali berjaya mengalahkan tentera Aisyah, Zubair dan Talhah. Kemudian Muawiyah dan pengikutnya kalangan Bani Umaiyah membawa tentera untuk menyerang Saidina Ali berlaku peperangan Siffin. Dalam peperangan ini, dibuat Tahkim, dibuat Tahkim menyelesaikan masalah. Muawiyah tak terima Saidina Ali memerintah. Tak puas hati dengan Tahkim, lari kalangan pengikut Saidina Ali, timbulnya golongan Khawarij, Khawarij menyebabkan umat Islam berpecah tiga. Syiah yang menyokong Saidina Ali dengan sekuat-kuatnya Taksub, kemudian Khawarij yang tak sokong semua, tak betul belaka. Kemudiannya yang menderhaka bughah Muawiyah yang menderhaka lawan Saidina Ali.

Tak dinafi Saidina Ali betul dalam masalah ini. Saidina Ali dibunuh oleh golongan Khawarij. Maka orang Madinah membai'ahkan Saidina Hassan menjadi khalifah, anak Saidina Ali. Muawiyah tidak tunduk pada Saidina Hassan, akhirnya Saidina Hassan untuk menjaga perdamaian, menjaga darah orang Islam, Saidina Hassan meletakkan jawatan sebagai Khalifah, biar Muawiyah, beri Muawiyah jadi khalifah. Maka berlaku perdamaian, tak bergaduh. Nabi sebut dalam Hadis,

“Anak aku Hassan ini ‘Sayyid’ menjadi pemimpin yang mensulhkan di antara orang Islam.” Nabi sebut dalam hadis.

Tiba-tiba Muawiyah lantik anak dia yang tak layak jadi Khalifah untuk jadi pengganti dia. Anak dia tak layak jadi khalifah, jadi pengganti dia. Menyebabkan orang Islam bantah. Saidina Hussin memimpin gerakan membantah ini dan berlakunya peristiwa Karbala yang terkenal pada 10 haribulan Muharram, Saidina Husein dibunuh dengan zalim dalam peperangan di Karbala. Tak dinafikan, bukan sahaja orang Sunnah, termasuk orang Syiah, bukan sahaja orang Syiah, termasuk Orang Sunnah mengatakan Saidina Hussin adalah *Sayyidus Syuhada*, Penghulu Mati Syahid. *Sayyidus Syababi Ahlil Jannah*, Penghulu Pemuda Dalam Syurga, disebut dalam hadis. Saidina Hussin tak dinafikan. Berlaku peperangan, kemudian berlaku fitnah orang Islam berpecah kepada Sunni, Syiah dan Khawarij. Berpecah kerana fitnah ini. Walaupun berpecah, tetapi ulama-ulama dapat meredakan keadaan, dapat meredakan keadaan. Berpecah ini pada awalnya dalam masalah khalifah, bawa kepada hukum hakam, berpecah dalam hukum hakam, ada betul ada salah, ada betul ada salah dalam hukum hakam ini.

Timbul masalah hukum hakam. Ulama-ulama di zaman mutaakhir mengatakan yang diiktiraf sebagai orang Islam, orang Islam ialah Ahli Sunnah dengan mazhab-mazhabnya, dan Syiah Imamiyyah dan Zaidiyyah dianggap sebagai orang Islam, Khawarij Ibadhi dianggap sebagai orang Islam, mereka pergi Haji ke Makkah beramai-ramai macam kita, sembahyang macam kita, cuma khilaf dalam masalah beberapa hukum cabang berkenaan dengan sembahyang. Yang tak boleh dikafirkan di antara satu sama lain.

Tiba-tiba hari ini berperang, berperang tiga kumpulan ini, Sunni (dengan) Syiah, Sunni dengan Sunni, Syiah dengan Syiah berperang. Macam mana kita nak buat? Ini fitnah.

(Kuliah Jumaat, 16 September 2016, Rusila, Marang, Terengganu)

4. Elak Salah Posisi

Anak-anak muda yang darahnya bersemangat, berkobar-kobar, perlu diorganisasikan, dimasukkan dalam jemaah, untuk melangkah dengan langkah Muwajahah Silmiyyah, kerana pandangan kita, perjuangan Islam di tanah air sendiri, perjuangan islam di kalangan Umat sendiri, hendaklah cara damai. Pendekatan yang lain daripada itu gagal, menghancurkan kumpulan Islam sendiri.

Apa yang berlaku di Mesir? Yang berlaku di Syria? Yang berlaku di Yaman? Berlaku di Iraq? Berlaku di Afghanistan? menjadi contoh yang paling nyata. Apabila kumpulan Islam ini, memilih pendekatan secara perang, keras dalam masyarakat sendiri, kaum sendiri, umat sendiri, dalam tanah air yang sama, menyebabkan berlakunya peperangan proksi, peperangan menjadi wakil bagi pihak kuasa-kuasa besar yang campur tangan dalam negeri. Menjadi wakil sama ada Amerika, Rusia, Perancis, Britain, dan lain-lain, yang menggunakan slogan yang benar, tetapi tujuannya sangat jahat.

Kalimah yang benar, tujuannya jahat. Untuk mengganggu kebangkitan Islam. Menentang kerajaan yang zalim, betul. Menentang kerajaan sekular, betul. Menentang pemerintah yang jahat, betul. Bukan tak betul. Menggunakan kekerasan untuk menentang kerajaan di dalam negeri sendiri. Mengambil pendekatan keras dan berperang. Dia bagi senjata untuk lawan kerajaan, dia bagi kat kumpulan Islam, kerajaan pun bagi senjata. Dua-dua dia bagi. Senjata yang tidak secanggih mereka, tak secanggih mereka. Beli M-16, seronok dah. Beli pistol, seronok dah. Sedangkan dia mempunyai pesawat-pesawat pejuang, roket yang boleh menembak 200, 400, 2000, 3000 kilometer, dari kapal perang laut dia boleh tembak. Dan menggunakan GPS, dia tahu dimana kedudukan-kedudukan ini, kerana dia letak penasihat-penasihat kepada pejuang-pejuang ini, tahu di mana duduknya. Dia nak hapuskan bila-bila masa sahaja.

Taliban dicipta oleh Barat, ISIS dan lain-lain dicipta oleh Barat dan Timur, tujuan dia untuk mengacau dalam negeri orang Islam.

(Sambutan Jubli Perak Jabatan Amal Malaysia, 6 Februari 2016, Dewan Tok Guru, Rusila, Terengganu)

5. Siapa Syiah?

Syiah ini salah satu mazhab di kalangan masyarakat Islam yang lahir daripada kesan pergolakan politik selepas pembunuhan Saidina Uthman Bin Affan RH sehingga mencelarkan pemikiran orang Islam yang kita kena sedar. Setelah Saidina Uthman dibunuh dalam satu pemberontakan kerana masyarakat yang bebal tentang Islam dan tak memahami perubahan. Saidina Ali dilantik menjadi khalifah. Saidina Ali tak terlibat dalam pembunuhan Saidina Uthman.

Bahkan ahli-ahli sejarah mengatakan, Saidina Ali menghantar anaknya Hassan Hussin dan beberapa pemuda untuk mempertahankan Saidina Uthman dan minta Saidina Uthman mengarahkan mereka memerangi golongan memberontak ini. Saidina Uthman kata, jangan. Dia tidak mahu dia menjadi sebab pembunuhan beramai-ramai di kalangan orang Islam, dia mahu jadi macam anak Nabi Adam AS, iaitulah Qabil yang dibunuh oleh Habil. Dia mengatakan, jika sekiranya kamu nak bunuh aku, bunuhlah, aku tak mahu bunuh kamu.

Maka Saidina Uthman mati dan berlakunya kecelaruan sehingga peperangan Al-Jamal melibatkan Aisyah, Zubair dan Talhah memerangi Saidina Ali, Saidina Ali kalahkan mereka. Dan peperangan Siffin yang melihatkan Muawiyah dan Amr Bin As memerangi Saidina Ali, Saidina Ali mengalahkan mereka. Para ulama sependapat mengatakan bahawa Saidina Ali yang betul dalam perkara ini. Mereka yang memerangi Saidina Ali adalah salah.

Tetapi malangnya berlaku fahaman-fahaman fanatik yang melahirkan kumpulan Syiah. Mereka yang terlalu fanatik kepada Saidina Ali, sehingga mengkafirkan para Sahabat, menyesatkan para Sahabat, mempertikaikan isteri Nabi SAW. Dan lahirnya golongan Khawarij, Khawarij ialah golongan yang menolak semua Sahabat-sahabat Nabi, Ali pun kacau, Muawiyah pun kacau, kita bawa diri kita sendiri. Lalu mereka hidup di Muscat dan Oman membawa mazhab mereka.

Kemudian berlakunya riwayat-riwayat hadis untuk memenangkan puak masing-masing sehingga mereka (mencipta) hadis sendiri. Maka lahirlah kumpulan ulama yang memelihara ilmu Islam, di antaranya ialah Imam-Imam Mazhab, di antaranya Imam-Imam Ilmu Hadis dan Ilmu Tafsir, mengumpulkan hadis-hadis ini daripada semua ulama-ulama kalangan Sahabat yang berpihak ke Saidina Ali, ke Muawiyah ke dan lain-lain, ditapis, menyebabkan Ilmu Islam terpelihara.

Tetapi malangnya, makin berpecah. Syiah bukan satu pandangan yang betul, dia salah, tapi salah ijtihad, asalnya begitu, asalnya begitu. Dia menganggap Ali lebih layak daripada Abu Bakar, Umar dan Uthman, asalnya begitu. Tetapi, bila sampai kepada pecahan, ada sampai peringkat menjadi keluar daripada agama Islam.

Ringkas ceritanya, ulama-ulama Islam yang mengakji hukum-hukum mazhab ini mengatakan bahawa di kalangan Syiah ini ada dua mazhab yang dianggap sebagai orang Islam, iaitulah Mazhab Imamiyyah dan Ja'fariyyah, Isna Asyariah, serupa je, yang tinggal di Iran, Iraq dan Lubnan, dan Mazhab Zaidiyyah yang tinggal di Yaman. Ini dianggap sebagai orang Islam, tetapi ada kesilapan dalam pandangan mereka, bukan bermakna dia betul, dia salah, tapi dianggap sebagai Islam, ini kena faham.

Dan oleh kerana berlakunya pertelingkahan ini melibatkan hukum fekah di antaranya dia boleh jamak sembahyang pada masa mukim, bukan sahaja masa musafir, mukim, duduk di rumah pun boleh jamak sembahyang, tapi masih sembahyang lagi, dianggap sebagai orang Islam juga, tetapi salah dari segi pandangan dia.

Membenarkan nikah mut'ah, kahwin secara kontrak, kahwin dengan perempuan dalam tempoh sebulan, tanggungjawab keluarga sudah jadi hilang. Di mana perkahwinan ini diharamkan oleh Nabi, dibatalkan, di awal Islam ada. Setelah Islam berkembang, dinasahkan hukumnya, orang Syiah tak terima kerana hadis membatalkan mut'ah ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Abu Hurairah tak

sokong Saidina Ali. Bukan tak sokong, dia atas pagar, kerana dia ini orang tak matang pemikiran politik, Muawiyah pun tak sokong, Saidina Ali pun tak sokong, dia tak tahu nak sokong hat mana-mana.

Tapi hadis riwayat dia ada, orang Syiah menolak hadis ini. Di antaranya ialah bila dia sembahyang, dia kena buat sesuatu yang membatalkan sembahyang, tak cukup dengan salam, Assalamualaikum, Assalamualaikum (akhir solat), dia buat (menepuk dua-dua tapak tangan ke atas peha). Kemudian dia sujud atas tanah (batu), bukan sembah tanah, dia sujud. Kita tak kata dia keluar daripada Islam, tetapi mazhab dia salah.

Yang satu lagi mazhab Zaidiyyah, Zaidiyyah ini mazhab fekah dia macam Syafi'e, tetapi mazhab aqidah dia terpengaruh dengan Muktazilah iaitulah fahaman falsafah yang menguasai masyarakat Islam di zaman Abbasiyyah. Di mana kajian tentang aqidah tuhan ini tak boleh dengan falsafah semata-mata, ada perkara yang akal tak boleh capai, tapi Muktazilah dia guna akal semata-mata, ini kesilapan dia. Di anggap sebagai orang Islam, tetapi salah dalam masalah amalan dia. Ini kita kena sedar.

Macam orang sembahyang semangat, tambah-tambah lebih (rakaat) itulah. Sembahyang fardhu Zohor empat rakaat, dia rasa rajin buat lapan rakaat, rasa malas buat satu rakaat. Dia orang Islam juga. Ini silap, ini kena faham, silap dalam masalah ijtihad. Tetapi orang Syiahitu, tapi kita kena sedar bahawa ini satu fahaman yang salah dan mereka wujud di Iran kerana pertembungan antara Uthmaniyah dan Safawiyah di masa itu. Dan Safawiyah memaksa rakyat Iran menganut Syiah, Mesir yang Syiah jadi Sunni, zaman Salahuddin Al-Ayyubi, itu panjang ceritanyalah.

Kemudian Mazhab Khawarij, banyak mazhab dia. Yang Islam hanyalah Ibadhi yang masih ada di Muscat dan Oman, itu mazhab Ibadhi, mazhab Ibadhi. Dia salah dalam ijtihad kerana dia jauh daripada ulama. Pencuri potong tangan, ulama kata potong tangan di sini (pergelangan tangan), dia kata tangan ini potong bahu, bahu itu di tangan. Ini, ini Ibadhi, dia dianggap sebagai Islam, tetapi salah dalam masalah meletakkan hukum.

Cumanya di Malaysia ini ada Syiah jadian. Syiah jadian ini bila berlakunya Revolusi Iran, setelah berlakunya Revolusi Iran, menggulingkan Shah, ada kalangan orang mengatakan kita boleh buat revolusi kalau jadi Syiah. Kita kena faham, Malaysia bukan Iran, Umno bukan Shah Iran. Walaupun saya orang PAS, berbeza pandangan dengan Umno, saya tak anggap Umno itu macam Shah Iran. Kezaliman Umno itu tak sampai lagi zalim macam Shah Iran, kita lawan secara demokrasi. Tapi ada orang yang semangat dia tinggi, semangat Revolusi Iran ini, jadi ini Syiah jadian. Dia tak mengaji pun Syiah, saya tahu dia tak belajar, jadi Syiah Syiah jadian sahaja, macam harimau jadianlah, itulah, itu dia.

Jadi, ini menimbulkan kecelaruan dalam masyarakat, macam Wahabbi juga. Wahabbi ini Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, Mazhab yang tidak mentakwilkan ayat-ayat yang *mutasyabihat*, itu betul, bukan salah, betul. Tetapi kita kena sedar ada masyarakat yang berdepan dengan falsafah, terpaksa juga membawa hujah-hujah ini, ini dia ini. Jadi, Wahabbi ini sesuai di Arab Saudi, ini kita kena sedar. Nak bawa ke Malaysia, orang Malaysia Mazhab Syafi'e, jadi satu masalah yang lain, sedang kita ada masalah yang besar.

Dan kita kena sedar, ada masalah-masalah khilaf, dalam masalah Ahli Sunnah pun, khilaf. Tetapi khilaf ini ada betul dan ada salah, contohnya Mazhab Syafi'e semua binatang di dalam laut boleh makan, halal. Mazhab Hanafi kata udang tak boleh makan, udang ini jenis kutu dan ulat, tak boleh makan. Kita Mazhab Syafie makan, kutu lain, ulat lain, udang lain, kerana orang Mazhab Syafi'e dia ada kitab Hayatul Hayawan, iaitulah kitab yang mengkaji tentang kehidupan laut dan darat, maka Syafi'e lebih 'detail' dalam masalah halal haram binatang laut ini, kita kena sedar.

Yang Syiah pula, ikan keli tak boleh makan, sotong tak boleh makan sebab tak ada sisik. Syiah jadian di Malaysia ini boleh kenal, dia tak makan udang, dia tak makan ikan keli, dia tak makan sotong, bagi kat kitalah. Itu dia.

Jadi, ini kecelaruan yang kita kena siarkan kepada orang-orang muda yang bersemangat ini, dan saya sedar di sana ada provokasi, provokasi yang sengaja

dilakukan oleh, saya sebut senang-senanglah, “SB” (Special Branch). SB yang bekerja bagi pihak Umno dengan tujuan untuk mencelarukan mereka yang sokong PAS. Maka mereka memprovokasikan orang muda-muda ini dengan semangat Revolusi Iran, saya tahu saya tahu. Dan dia tahu PAS tak terlibat dalam masalah ini, ini dia tahu. Termasuklah yang macam-macam kumpulan-kumpulan, di antaranya ialah supaya perjuangan untuk menegakkan pemerintahan Islam itu gagal kerana apa? Kerana orang Islam berpecah, berpecah. Ini pendekatan ini, ini pendekatan ini.

Di Indonesia ada 40 Parti Islam, 40 Parti Islam di Indonesia, padahal rakyat dia dekat 90 juta orang Islam, Islam tak boleh menang kerana apa? Calon Parti Islam 40 orang, parti sekular seorang dua tiga orang je, sekular yang menang. Di Pakistan begitu juga berpecah, kumpulan Islam berpecah, Jamaah Islaminya, ada yang ahli hadisnya, ada yang Hanafinya, akhirnya Benazir menang, Benazir menang, ini.

Jadi, di Malaysia ini dia nak buat macam itu juga, saya tahu semua dan kita faham ini, dan kita kena sedar ini satu permainan. Dan anak-anak kita yang bersemangat ini terjebak dalam permainan ini.

(Pertemuan Ahli PAS Luar Negara, Prayer Hall, 29 Disember 2010, Universiti of Warwick, United Kingdom)

6. Krisis Syria

Saya pergi ke Turki berjumpa dengan pemimpin-pemimpin parti-parti Islam, termasuk juga bincang hal Malaysia. Syeikh Yusuf Qardhawi minta saya pergi juga ke Turki. Asalnya tak boleh pergi kerana sibuk dengan program kita di Kelantan dan lain-lain lagi. Pergi juga kena pergi walaupun dua hari, saya pergi dua hari. Berjumpalah pemimpin-pemimpin Syria ada, Jordan ada, Yaman ada, Mesir ada, Indonesia ada, daripada Algeria pun ada, daripada Turki Parti AK dan Parti Saadat pun, parti di Turki, semua ada kita bincang masalah-masalah yang berlaku pada hari ini.

Hal Malaysia ini saya teranglah. Parti baru (PAN) ini dia (Syeikh Yusuf) faham dah. Saya tahu orang parti baru ini pergi kempen di luar negeri, jadi tak kisah, orang tahu dah, kenal dah, kenal. Dia pergi kempen, pergilah kempen pun, tak apa, tak jadi masalah, dia sudah mendapat penjelasan.

Kemudian tentang Syria ini, Syria ini ialah hasil daripada kita menyelesaikan masalah dalaman kita dengan perang. Bila selesai masalah dalaman dengan perang, maka musuh-musuh kita 'tolong'. Hat ini tolong pihak ini, hat ini tolong pihak ini, tolong pihak ini. Maka, jadilah perang secara wakalah, dia panggil, perang secara wakalah. Kita berperang menjadi wakil bagi pihak kuasa-kuasa besar dunia, yang matinya orang kita, musnahnya musnah bangunan kita, rosak negeri kita, beli senjata dengan duit kita, dengan duit kita, yang berjaya dia.

Peperangan ini boleh menaikkan harga minyak, harga minyak boleh naik. Syarikat-syarikat minyak bukan kita yang punya, puak-puak Yahudi, puak-puak Barat yang punya. Menaikkan harga minyak dan boleh menampung kewangan kilang-kilang senjata, dia boleh jual senjata. Jual senjata, orang Arab bayar piti dengan semahal-mahalnya, kilang senjata dia dapat duit, yang matinya orang kita.

Saya kata ke orang Arab, untuk apa kamu berperang? Untuk faedah apa kamu berperang? Patutnya kamu bersatu berperang dengan Yahudi, bukan lawan sesama sendiri.

Betul ada mazhab Sunni, mazhab Syiah, mazhab macam-macam. Cerita mazhab ini 1000 tahun ada dah, dah ada mazhab. Ulama-ulama zaman dahulu menghadapi mazhab dengan berdebat, dengan berhujah bukan dengan menggunakan senjata, senjata digunakan untuk lawan..., untuk lawan orang Yahudi, untuk lawan musuh Islam. Ada puak-puak Syiah, puak Khawarij, puak apa ini, dilawan dengan hujah. Dengan sebab itulah, kita buka dalam kitab-kitab fekah kita, ada hujah-hujah yang ulama-ulama kita tulis, menunjukkan dilawan dengan ilmu, bukan dilawan dengan senjata.

Senjata ialah untuk melawan musuh yang menyerang negeri kita. Bila menggunakan senjata lawan sesama sendiri, menyebabkan kita jadi ayam yang berlaga, ayam yang berlaga. Jadi hat tukang laganya duduk bersorak, kita yang berlaga, yang sakitnya, habis-habis dia sembelih kita, itulah jadinya, itu yang berlaku di Syria pada hari ini. Dan kita sedang berusaha sedaya upaya supaya orang Arab ini balik kepada meja rundingan, selesaikan masalah secara politik.

Dan kita kena sedar, apa yang berlaku di Yaman, yang berlaku di Mesir, kerana Yaman letaknya Babul Mandab. Babul Mandab ini tempat lalu untuk nak masuk Laut Merah, kapal-kapal minyak, kapal-kapal dagang lalu, Terusan Suez tempat lalunya barang-barang, jalan yang penting dia nak kuasai.

Tujuan dia, jangan benar sekali-sekali puak Islam memerintah, puak Islam jangan memerintah. Maka puak Qatar, puak Qatar walaupun Parti Islam menang, buat huru-hara sampai diorang boleh memerintah, ini kerja dia, kerja musuh-musuh Islam .

Yang pentingnya kita orang Islam kena rapatkan saff. Alhamdulillah, di negeri kita ini walaupun kita berbalah tak sampai tangga itu, tak sampai tangga asal parang pun, apa lagi menembak, tak sampai tangga itu, jangan sampai tangga itu, kita bincanglah dengan cara baik.

Kalau nak berlawan, lawan musuh yang menyerang negeri kita, bukannya kita lawan sesama sendiri, sama-sama kita, wallahu'alam.

(Ijtimak Ulama dan Guru-Guru Pondok Kelantan, 16 Oktober 2015, Pondok Pasir Tumbuh Kelantan)

7. 313 Tentera Imam Mahdi

Tanda-tanda Imam Mahdi. Kesimpulan daripada Hadis-Hadis dan pendapat ulama, berhubung dengan Imam Mahdi itu bolehlah kita menentukan tandanya untuk membezakan di antara Imam Mahdi yang sebenar dan Imam

Mahdi yang palsu dengan kenyataan yang disebut dalam hadis itu di antaranya ialah:

Yang pertama, Imam Mahdi itu membawa perjuangan Islah, perjuangan perbaikan ke arah Islam, yang disokong oleh Allah dengan keterangan-keterangan dan dalil-dalil yang nyata. Dia memerintah mengikut Quran dan mengikut Sunnah Nabi SAW dengan dalil-dalil yang kuat. Ini nak memerintah pun tak reti Imam Mahdi apa? Tak reti apa. Ini bukan calang-calang orang, yang alim, yang memerintah dengan Quran, memerintah dengan Sunnah Nabi, di dokong oleh keterangan-keterangan dan dalil-dalil.

Mengikut riwayat hadis-hadis yang banyak di antaranya Allah Taala jadikan banyak gempa bumi, gempa bumi di dunia, gempa bumi, gempa bumi sana, gempa bumi, ini ada ulama kata banyak gempa bumi sekarang di Indonesia, di Peru, di Jepun, di mana, tiap-tiap bulan ada gempa bumi, gempa bumi itu sudah berlaku.

Dan ada ulama yang mengatakan sebahagian tanda-tanda itu sudah ada, di antaranya orang Yahudi berkumpul di Palestin, Yahudi berkumpul. Di antaranya pemimpin-pemimpin Arab sudah leka, mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi, bangunan yang tinggi.

Dan berlakunya Malhamah Kubra, ada ulama menafsirkan perang dunia, perang dunia, berlaku perang dunia, berlaku perang dunia, ini tak berlaku, tunggu perang dunia, berlaku perang dunia, yang sangat dahsyat, perang dunia yang sangat dahsyat. Perang dunia di antara kuasa-kuasa besar, akan berlaku perang dunia. Pembunuhan, perang yang terlalu ramai manusia yang mati dengan perang dunia ini, mungkin dengan senjata nuklear, senjata nuklear yang canggih pada hari ini. Saintis mengatakan, ada roket nuklear kepunyaan Russia 1,000 kali ganda daripada bom atom di Hiroshima dan Nagasaki, 1,000 kali ganda dengan sebijik roket ini boleh musnah 2, 3, 4 bandar di Amerika, 2, 3, 4 bandar di Amerika, ini kehebatan senjata, ini senjata Russia. Senjata China, senjata Amerika, sama-sama ada senjata belaka. Yang peluru berpandu jarak 7,000, 8,000 kilometer boleh tembak.

Dia beri ke orang hat nak semangat jihad ini hat 40 kilometer tembak, suka sangat dah, suka sangat dah, perang bodoh, perang dunia ikut dia, dia gi tolong ke dia, tolong untuk melakukan kekacauan, bukan jihad. Bila sampai masa, habis dia hentam dengan senjata yang sampai 7,000, 8,000 kilometer boleh tembak dengan senjata yang canggih, akan berlaku peperangan yang sangat besar.

Dan bila dia muncul, orang tak tahu. Hanya 313 orang sahaja, 313 orang yang dipilih oleh Allah SWT yang membai'ahkan dia di Maqam Ibrahim dan Kaabah, Bai'ah dia 313 orang. Kemudian datang tentera dari Syam, dari Syria, untuk menyerang dia. Tentera ini ditelan oleh bumi, ditelan oleh bumi, bila telan oleh bumi, baru orang tahu ini Imam Mahdi, barulah orang ramai pergi, orang pergi bai'ah dia sebagai Imam Mahdi.

Kena ada tanda-tanda ini, kita macam mana nak tahu tanda-tanda ini? Nak pergi, sayalah Imam Mahdi, ingat nak mengaku begitu sahaja? Ehh, kena faham. Ini benda, banyak dia punya tanda-tanda yang sangat mencabar.

Zaman fitnah, fitnah ini tak tahu mana betul mana salah, mana betul mana salah sehingga ulama-ulama pun dalam keadaan yang sukar untuk menilai mana betul mana salah. Apa lagi orang yang tidak tahu yang tak ada ilmu, payah nak membuat ukuran, keadilan yang memenuhi bumi, penuh dengan zalim, zalim politik, zalim ekonomi, zalim pembunuhan, zalim jenayah, zalim akhlak, merebak.

Bila dia muncul jadi pemimpin, dia memenuh dunia dengan keadilan, ini kehebatan dia, bila dia muncul, dia jadi pemimpin, dia akan mengalahkan, akan mengalahkan kezaliman ini dan memerintah negara dengan adil. Ia mengislahkan umat, yang kedua, mengislahkan umat, yakni membaiki, menghilangkan segala mendung yang menggelapkan keadaan, lalu berpadulah di kelilingnya dengan penuh hubungan kasih sayang di antara satu sama lain.

Yang ketiga, ia menyerupai Nabi Muhammad dari segi perbuatan dan akhlak, bukannya kejadian dan rupa. Akhlaknya macam akhlak Nabi, ini sembahyang pun tak berapa reti, nak jadi Imam Mahdi guane? Baca Fatimah tak berapa betul.

Yang keempat, dengannya, tertegaklah ugama, dengan disertai oleh para mujahidin, para mujahidin yang akan ikut dia, dan dibantu oleh para malaikat seperti berlaku di dalam peperangan Rasulullah SAW. Malaikat akan menyertai dia, bila berlaku malaikat tolong, tak ada siapa yang boleh mengalahkan dia, ini.

Lima, ia dari kalangan keturunan Nabi Muhammad SAW dari salasilah Saidina Hassan bin Ali RA, bukannya daripada Salasilah Saidina Hussin RA, ini mengikut satu riwayat. Mengikut riwayat Al-Baihaqi, Abu Nu'aim, Imam Syafi'e, Al Imamiyyah daripada zuriat Saidina Hussin, wallahu'alam, ini khilaf ulama, adakah daripada zuriat Saidina Hassan ataupun Saidina Hussin. Kebanyakan ulama-ulama Ahli Sunnah mengatakan daripada Saidina Hassan. Sebahagian ulamak Ahli Sunnah dan Imamiyyah daripada Syiah mengatakan daripada Saidina Hussin. Ini bila zahir Imam Mahdi sungguh, selesai masalah, tak berbalah dah, Saidina Hassan ke Hussin ke, ikutlah asal dia zahir untuk memimpin dan menyelamatkan umat.

Yang keenam, di zamannya zahir Dajjal, zaman Imam Mahdi ini zahirnya Dajjal, di mana tiada lagi keberkatan di muka bumi, bila mari Dajjal, tidak ada keberkatan. Lalu Imam Mahdi itu melimpahkan bumi dengan keadilan dan keberkatan sebagaimana sebelumnya penuh dengan kezaliman, dan penyelewengan.

(Kuliah Jumaat, 9 Disember 2016, Rusila, Marang, Terengganu)

8. Pemusnah & Pemimpin Akhir

Kita kena sedar, ringkas ceritanya orang Islam menghadapi bencana Zionis. Zionis ialah kumpulan-kumpulan Yahudi, Freemason dan kumpulan Yahudi yang

muncul di akhir zaman untuk mencabar orang Islam. Jelas, masa tak cukup, huraianya panjang. Yang mengikut Zinois, ada dua Zionis, Zionis Yahudi dan Zionis Kristian. Zionis Kristian ialah Zionis Mazhab Katolik dan mazhab-mazhab yang sepertinya Amerika, Eropah, ini bergabung dengan Israel, bergabung dengan Israel, Zionis Yahudi bergabung dengan Israel untuk menghadapi dunia Islam, ini zaman mutaakhir. Allah Taala sudah sebut dalam Quran,

“Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu jadikan Yahudi dan Nasroni sebagai wali-wali kamu.” (al-Ma'idah: 51)

Wali-wali yang memimpin, kawan yang dipercayai, yang diharapkan untuk memberi pertolongan, banyak negara-negara Arab hari ini berwala' dengan Amerika, berwala' dengan Eropah, berwala' dengan Zionis, maka jelas mana-mana negara yang berwala' dengan Zionis, ini wala' kepada yang tuhan sebut dalam Quran.

Namun demikian berperang, berperang sehingga jadi celaru di antara satu sama lain, ada pula orang semangat jihad tinggi pergi perang ratib, pergi perang ratib. Pergi la, nak cari, nak cari neraka, pergilah, pergi. Ini Nabi sebut ini, yang membunuh dibunuh, dua-dua duduk dalam neraka, pergilah pergi, semangat tinggi sangat, tak mahu mengaji, nak jihad sangat, pergi, bukan jihad, jadi jahat.

Ini fitnah yang Nabi sebut di akhir zaman yang kita saksikan pada hari ini di antara tanda-tanda Asyrotus Sa'ah, tanda-tanda akhir zaman yang akan menghancurkan dunia. Namun disebut dalam hadis-hadis yang banyak, akan berlaku Islam akan menang sekali, menang sekali lagi, akan berlaku Malhamah Kubro, peperangan dunia yang besar akan berlaku. Sebaik sahaja berlaku Malhamah Kubro, akan zahir Dajjal. Lepas zahir Dajjal, zahir Imam Mahdi, Imam Mahdi ini bukan orang pakat dia naik (mengaku) saya Imam Mahdi, bukan begitu, tidak. Ini akan berlaku dengan tanda-tanda yang disebut dalam hadis yang dibincang oleh ulama.

Jangan naik-naik atas masjid, saya Imam Mahdi, itu pelawok, jangan. Jangan, jangan, sesat. Hat mengaku jadi Nabi pun ada, jadi Imam Mahdi pun ada, ramai mengaku jadi Imam Mahdi, sampai di Malaysia pun ada, di India mengaku Imam Mahdi, belah mana-mana, mana dia nak mengaku Imam Mahdi? Itu Mahdi gila itu, jangan dibuat kira. Itu, jaga, jaga baik.

Tapi akan berlaku Imam Mahdi yang sungguh-sungguh daripada keluarga Nabi. Imam Mahdi ini daripada keluarga Nabi yang menyatukan Sunni dan Syiah. Sunni dan Syiah akan bersatu, bersama dengan pemimpin ini yang mengembalikan semula orang Islam akan berkuasa balik. Wallahu'alam.

(Kuliah Jumaat, 16 September 2016, Rusila, Marang, Terengganu)

9. Langkah Turki

Turki mengadakan hubungan dengan Israel. Kita perlu membaca senario awal, bagaimana jatuhnya kerajaan Uthmaniyyah. Turki terperangkap dalam perangkap kejatuhan Uthmaniyyah. Yang tak mudah, Turki nak melepaskan diri. Bermula dengan kuasa-kuasa besar dunia menggerakkan aspek perbezaan di kalangan umat Islam sebagai asas untuk melagakan orang Islam. Iran yang bermazhab Syiah dibantu untuk menentang Turki Mazhab Sunni. Yaman, Mazhab Syiah Zaidiyyah, digerakkan untuk menentang Turki mazhab Sunni. Saudi bermazhab Salafi, Wahabbi menentang Turki kerana Turki Asy-Sya'irah Maturidiyyah, ini tahun 20-an, kita kena faham.

Kemudian kebangsaan Arab, Nasionalisme digerakkan untuk menentang Turki kerana Turki bukan Arab. Hasilnya ialah Barat membekalkan segala kekuatan senjata untuk membantu pihak-pihak yang menjatuhkan Uthmaniyyah tahun 1924. Kemudian berlakulah perjanjian Sykes-Picot yang melibatkan British, Perancis dan Rusia, membahagi-bahagikan negeri orang Islam di kalangan kuasa penjajahan ini.

Seterusnya, pemimpin-pemimpin yang menyokong mereka dalam perang dunia yang pertama menjatuhkan Turki dilantik jadi raja negeri-negeri yang sudah

dibentuk, mengikut pengaruh kuasa penjajahan. Selepas ditemui minyak dan gas, maka kuasa-kuasa barat ini bersedia untuk membayar duit sebanyak-banyaknya, memberi kekayaan pada negeri-negeri yang mendokong mereka ini, dengan keamanan mereka dijamin, senjata diberi, tak perlu sains, teknologi tak perlu, kami beri semua. Maka hiduplah dengan duit, dengan pangkalan-pangkalan British, Perancis, dan lain-lain lagi berada di negeri-negeri yang diatur oleh mereka. Ini kita kena faham, ini senario politik.

Sekarang berlaku kebangkitan Islam. Bila berlaku kebangkitan Islam, maka mereka ulangi senario yang dahulu ini, melagakan mazhab, melagakan kaum, dengan 'modified' berdasarkan kepada masalah-masalah semasa. Diantaranya isu kezaliman di negeri-negeri yang diperintah ini, kezaliman. Syria zalim, dia bantu siapa dia nak lawan kerajaan zalim, dia bantu. Saudi zalim, bantu siapa nak lawan kerajaan zalim, dia bagi senjata. Ini zalim, dia beri, bantu lawan kerajaan zalim ini. Sehingga pilihan raya bohong, pilihan raya Bida'ah, kena jihad, akhirnya berlawan sesama sendiri. Ini yang berlaku dalam dunia Arab pada hari ini, yang kita kena sedar, dalam keadaan yang sangat berkecamuk.

Turki melalui AK Party dapat menguasai, nak lepas diri daripada NATO susah, cuma dia mengambil pendekatan untuk membantu Palestin. Antaranya ialah untuk melepaskan kepungan Gaza, sepatutnya Mesir sokong, Saudi sokong, semua negeri Arab sokong. Malangnya Turki bersendirian untuk menekan Israel supaya bebaskan kepungan Gaza. Apa yang berlaku ialah Mossad Israel membantu Qurdish, Amerika membantu Qurdish, untuk jadi masalah kepada Turki di sempadan, untuk memaksa Turki terlibat dalam kancah peperangan yang lain lagi di medan ini. Ini yang berlaku, permainan politik.

Bagaimana Turki nak melepaskan diri? Payah-payah sangat, orang Arab kita ajak lawan Israel, Arab pun tak mahu, pulih hubungan dengan Israel. Ini dia, pulih hubungan dengan Israel. Maka Arab pun ... lah, Hamas yangnya, ini berlakunya. Pulih hubungan dengan Rusia, Turki pulih hubungan dengan Rusia, kerana dia terjebak dalam, jet pejuang dia menembak kapal terbang Rusia, kerana NATO nak heret dia berlawan dengan Rusia, tak ada pasal-pasal, dia berbaik dengan Rusia. Pendekatan yang dia ambil pada hari ini, pendekatan

baru yang dia ambil yang kita tak tahu penghujungnya bagaimana dia nak lepaskan diri daripada kongkongan ini.

Ada kalangan yang mengatakan bahawa Turki akan memulihkan hubungan dengan Iran, memulihkan hubungan dengan Syria, mengambil penyelesaian politik di Syria, Turki akan ambil penyelesaian ini, untuk mengelakkan diri daripada masalah yang ditimbulkan oleh orang Arab sendiri. Ini maklumat-maklumat yang mutaakhir mengikut apa yang saya baca.

Namun saya memberi pandangan saya dalam beberapa persidangan antarabangsa melalui Kesatuan Ulama dan lain-lain, bahawa sebarang pendekatan masalah dalaman negeri orang Islam mestilah secara Muwajahah Silmiyyah, mestilah secara damai, secara demokrasi, secara perundingan politik, bukan secara ketenteraan. Sebarang langkah mengambil secara ketenteraan akan menjebakkan semua pihak menjadi berperang untuk menjadi wakil kepada kuasa-kuasa besar dunia, yang menjatuhkan orang Islam sendiri. Ini yang kita kena faham. Itu lebih kurang.

(Anak-Anak Terengganu Di Perantauan Bersama Presiden PAS, 7 Julai 2016, Markaz Tarbiyyah PAS, Kuala Ibai, Kuala Terengganu)

10. Pendekatan Tangani Krisis

Yaman mengalami masalah kabilah. Di samping masalah rakyat, masalah kabilah. Suka saya dedahkan di sini, sebelum berlakunya kebangkitan rakyat, berlaku krisis yang sangat parah di Yaman, yang memungkinkan kuasa-kuasa barat campur tangan di Yaman.

Di masa itu rakan-rakan Arab meminta jasa baik PAS, yang ada hubungan dengan rakan-rakan di Yaman untuk menyelesaikan masalah pertembungan yang berlaku di Yaman. Peperangan di antara kerajaan Yaman dengan Syiah Zaidiyyah, ini Syiah yang lain dengan Iran, Syiah Zaidiyyah dan diantara kerajaan Yaman dengan Al-Qaeda.

Qaeda ini ada orang kata Amerika di belakang dia, wallahu'alam mungkin betul, mungkin betul Al-Qaeda untuk menimbulkan kekacauan dan keributan dalam dunia Islam, dan memang ada dokumen-dokumen yang menunjukkan bahawa CIA mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kumpulan ini. Ini kita kena sedar, ada orang yang semangat Islam yang menggila tetapi tidak fekah. Semangat Islam dia menggila, tidak fekah.

Kita kena sedar fekah ini bukan sahaja fekah sembahyang termasuklah fekah haji, fekah puasa, fekah zakat, jihad pun ada fekah. Kalau orang dia tak fekah dalam jihad, sama lah dia tak fekah dalam haji. Orang tak fekah dalam haji dia pergi ke Mekah bukan sahaja melontar dengan batu besar kelingking, dia melontar batu besar lengan, dia melontar dengan kasut (ke) kepala kawan, bukan melontar syaitan, melontar kawan, ini pergi haji tidak fekah.

Begitulah tidak fekah dalam masalah jihad, ini kita kena faham. Ini yang berlaku dalam dunia Islam yang Syeikh Mahdi sebut tadi, lawan sama sendiri di Somalia, lawan sama sendiri di Afghanistan, ini kerana jihad yang tidak fekah, ini masalah yang dialami oleh umat Islam, kerana kejahilan.

Sebagaimana kita kena ada ilmu sembahyang, ilmu puasa, ilmu zakat, kena ada ilmu jihad. Dalam ilmu jihad ini, hendaklah dipilih Muwajahah Silmiyyah, pendekatan damai sebelum bertempur secara perang.

Saya berpendapat, dalam wacana saya mengatakan bahawa, bahawa bagi umat Islam sesama umat Islam, antara golongan Islam yang mahu mendokong Islam, dengan golongan Islam yang terperangkap dengan ideologi Sekularisme, pendekatan yang paling baik pendekatan melalui demokrasi, Muwajahah Silmiyyah walaupun kita menghadapi penipuan, kerana kita berdepan dengan saudara-saudara kita yang tenggelam di dalam kejahilan. Ini yang kita hadapi yang kita kena sedar.

Krisis Yaman. Kami cuba campur tangan, saya minta pandangan Syeikh Yusuf Qardhawi, Pengerusi Kesatuan Ulamak Antarabangsa, beliau terus mewakilkan saya pergi ke Yaman. Saya ajak rakan dua orang daripada PAS pergi ke Yaman

untuk berjumpa dengan kerajaan Yaman, kemudian minta jasa baik kerajaan Malaysia kerana kita tak boleh masuk, kita PAS bukan kerajaan, kita bukan kerajaan, mesti melalui saluran diplomatik.

Malaysia juga mahu peranan dalam politik antarabangsa, kita dengan Umno ada tempat kita berbalah, ada tempat kita berkelahi, ada tempat kita boleh bersama, ada juga, bukan berkelahi 24 jam. Ini kita kena faham. Dan orang-orang PAS kena faham dalam masalah ini.

Dalam isu Palestin, lawan Yahudi, kita sama dengan Umno, tetapi negara Palestin kita berbeza. Kita mahu Israel dihapuskan, Umno mahu negara Yahudi dan negara Palestin. Kita lain, itu beza kita dengan Umno. Tapi sama-sama lawan Yahudi, tapi negara Palestin kita beza. Kepada kita tak ada negara Israel, ini. Umno dia ambil pendekatan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitulah mengiktiraf wujudnya negara Israel, kita tak iktiraf, negara Israel negara haram, ini pandangan kita, ini beza.

Dalam isu Krisis Yaman, kita bersama, pergilah saya dengan Setiausaha Politik, dengan lajnah antarabangsa pergi ke Yaman berjumpa dengan kalangan-kalangan di Yaman, kemudian saya buat laporan kepada Majlis Ulama Muslimin yang bersidang di Beirut, lalu mereka hantar mesej ke Yaman. Alhamdulillah, hasilnya, ulamak-ulamak Yaman merasa malu, merasa malu orang luar selesaikan masalah, kita tak selesaikan masalah kita. Akhirnya ulamak Yaman mengadakan ijtimak, dan mereka selesaikan masalah mereka, masalah dengan Houthi, dengan Syiah selesai.

Di sana kita mendapat maklumat, penemuan-penemuan, di mana golongan Syiah Houthi ini dibantu oleh Ghaddafi, Ghaddafi bantu Syiah Houthi untuk kacau Saudi. Ini, ini kerja Ghaddafi pula. Ini dia, dia kacau rata-rata dunia, ini kerja dia, salah seorang pemimpin dunia yang sangat pelik dia punya kerja, pelik, dia kacau sana kacau sini, semua dia kacau belaka. ... pun dia bantu, sana pun bantu semua, ini kerja dia.

Kemudian berlaku kelemahan di Yaman sendiri, iaitu lah kelemahan tidak boleh selesaikan masalah kemiskinan. Penemuan yang kita dapati, krisis diantara Sunni dan Syiah di Yaman sebenarnya bukan mazhab, sebenarnya kerana dibiarkan kawasan Syiah, tak dia buat projek, tak dibantu, tak ditolong, tak diberi kemudahan-kemudahan asas. Macam Malaysia lah juga, Sabah dan Sarawak dibiarkan, Pantai TImur dibiarkan, negeri yang diperintah oleh bukan Barisan Nasional dibiarkan.

Ini boleh membawa penyakit, patutnya kerajaan kita kena sedar, bawa penyakit, bukan boleh mengukuhkan kerajaan, tetapi boleh menggoncangkan kerajaan, ini punca yang berlaku di Yaman sekarang ini kerana rakyat tidak diberi layanan dengan adil, ada diskriminasi diantara kabilah dan daerah. Ini menyebabkan berlakunya pertembungan, kita harap negeri kita tak berlaku hari ini.

(Bicara Asia Barat, 11 November 2011, Auditorium MBSA, Shah Alam, Selangor)

11. PAS Di Arena Antarabangsa

Keterbukaan kita sampai ke peringkat Antarabangsa, PAS melibatkan diri dengan isu antarabangsa. Palestin, Filipina, Aceh, Selatan Thailand, Rohingya, dan lain-lain, sejak Afghanistan dulu kita libat. Al-Marhum Ustaz Fadzil, saya (dan) Dato Mustafa pergi Afghanistan nak damaikan Mujahidin, tapi tak berjaya nak damaikan kerana berbalah kabilah-kabilah ini tak selesai, habis Mujahidin, naik Taliban. Penglibatan kita.

Begitu juga penglibatan kita dengan apa yang berlaku di Syria sekarang, PAS menghadiri persidangan Turki dengan kumpulan Islam parti-parti Islam di Turki. Kita jadi tuan rumah tak perlu umum, tuan rumah tak perlu masuk surat khabar, kita bincang di sini nak tangani isu Syria. Kita berpendapat, Syria bagi pada rakyat Syria, Bashar al-Assad kena turun. Memang dia zalim, dia mesti turun, dia zalim, dia minoriti, dia Parti Ba'ath, parti yang sangat kiri, rapat dengan Soviet, rapat dengan China. Barat mahu dia ada lagi, tak mahu kumpulan Islam naik.

Rakan-rakan mengamanahkan saya pergi ke Iran jumpa Presiden Nejad. Kita sampaikan kepada dia, saya sampaikan kepada Nejad, jumpa Presiden Iran, kita mahu Bashar turun, Bashar turun, mahu kumpulan Islam naik. Kita mengharapkan Iran Hizbullah, putus dengan Bashar ini, tak ada lagi. Ini yang kita mahu, sikap kita. Kemudian, kita juga terlibat dalam isu Filipina, dalam isu Filipina, isu Aceh kita terlibat.

Dalam isu Aceh, PAS ada hubungan rapat dengan kumpulan Islam di Aceh yang desak nak melaksanakan syariat di Aceh, Aceh merdeka, tak pernah dijajah oleh Belanda, bila merdeka, dimasukkan dalam Indonesia, berperang dengan Indonesia, nak damaikan Aceh. Oleh kerana pemimpin generasi awal kita rapat dengan puak-puak Aceh di masa Konfrontasi, mereka menghargai PAS, kita gunakan peluang ini. Maka saya, rakan-rakan pergi ke Sweden berjumpa pemimpin Aceh di bawah lajnah antarabangsa kita, jumpa dengan Aceh, minta damai, lupa lah masa lalu. Kemudian kita nak jumpa dengan kerajaan Indonesia tak boleh, sebab dia Umno, Umno Indonesia.

Kita minta kerajaan Barisan Nasional, Umno berjumpa dengan pemimpin Indonesia. Kita berjumpa dengan GAM(Gerakan Aceh Merdeka), Umno berjumpa dengan Umno Indonesia. Kita bincang-bincang, bertemu GAM dengan kerajaan Indonesia. Akhirnya berdamai.

Yang bagusnya Umno Indonesia ini, dia tak rampas royalti Aceh, dia bagi royalti ke Aceh lebih daripada 40 peratus minyak. Kelantan habuk pun tak dapat, Terengganu yang dapat dirompaknya, itu dia. Sepatutnya belajarlah dengan Indonesia, belajar dengan negara lain.

(Muktamar PAS Kali Ke-58, 18 November 2012, PUTIK, Pengkalan Chepa, Kelantan)